

# 'Pencarum akan hadapi masalah masa depan'

Kerajaan sukar benarkan pengeluaran wang akaun 1 KWSP

Oleh Mohamed Farid Noh  
farid\_noh@bh.com.my

**Muar:** Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kerajaan sukar membenarkan pengeluaran wang akaun 1 caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi kegunaan rakyat yang berdepan wabak COVID-19.

Perdana Menteri mengakui ada mendapat makluman berhubung

cadangan supaya dilakukan pengeluaran wang akaun 1 KWSP kerana rakyat terbeban dengan impak ekonomi akibat penularan pandemik berkenaan.

"Saya nak beritahu sukar untuk kita menimbang perkara berkenaan (benarkan pengeluaran wang akaun 1 KWSP).

"Bukan kerana kerajaan tidak mahu, (malah) memang ramai yang hantar teks kepada saya dan berkata 'tolonglah Tan Sri, kami susah.'

"Tanpa mengeluarkan simpanan itu pun, kita sudah menyediakan berbilion ringgit bagi membantu rakyat.

"Jika kerajaan benarkan perkara itu dilaksanakan dengan mengeluarkan (akaun 1) simpanan KWSP, anda akan menghadapi masalah yang lebih besar pada



**Muhyiddin menyampaikan sijil Rakan Niaga Koperasi** kepada ahli selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-24 Koperasi Sungai Terap/Sungai Raya Muar Berhad di SMK Bukit Pasir, Muar, semalam. (Foto Zain Ahmed/BH)

masa hadapan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-24 Koperasi Sungai Terap/Sungai Raya Muar Berhad di Dewan Sri Permata, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Pasir, dekat sini, semalam.

Sebelum ini, bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak,

dilapor mencadangkan supaya KWSP untuk membenarkan pencarum mengeluarkan maksimum RM10,000 secara 'one off' bagi mengharungi cabaran berikutan impak penularan COVID-19.

Mengulas lanjut, Muhyiddin yang juga Ahli Parlimen Pagoh berkata, kerajaan sudah membelanjakan hampir RM7 bilion bagi melaksanakan pakej rangsangan

membantu meringankan beban rakyat.

"Ini semua dilakukan bagi membantu meredakan bebanan rakyat dan kerajaan sudah bantu hampir sembilan juta rakyat terjejas.

"Sebelum ini, kerajaan sudah membenarkan rakyat mengeluarkan caruman KWSP daripada akaun 2," katanya.